

Tengku Maimun, Arshad Ayub bergelar Tun

FOTO: BERNAMA



Al-Sultan Abdullah berkenan mengurniakan Darjah Kebesaran SSM membawa gelaran Tun kepada Arshad (kiri) pada Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan 2020 di Istana Melawati, Putrajaya semalam.



Tun Tengku Maimun (kiri) mengetuai senarai penerima darjah kebesaran daripada Yang di-Pertuan Agong sempena Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan 2020 di Istana Melawati, Putrajaya.

Dua tokoh itu mendahului senarai 31 penerima pengurniaan Agong

PUTRAJAYA

Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah semalam berkenan mengurniakan Darjah Seri Setia Mahkota (SSM) yang membawa gelaran Tun kepada Ketua Hakim Negara, Tan Sri Tengku Maimun Tuan Mat dan Pro-Canselor Universiti Teknologi MARA (UiTM), Tan Sri Dr Arshad Ayub.

Dua tokoh itu mendahului senarai 31 penerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan 2020 bersempena Hari Keputeraan Rasmi Yang di-Pertuan Agong pada istiadat pengurniaan hari pertama yang berlangsung di Istana Melawati di sini semalam.

Tengku Maimun, 61, yang dilantik sebagai Ketua Hakim Negara pada 2 Mei 2019 merupakan wanita pertama di Malaysia memegang jawatan tertinggi badan kehakiman negara.

Sementara itu, Arshad, 91, yang dilantik sebagai Pro-Canselor UiTM sejak tahun 2000 turut memegang jawatan sebagai Canselor Universiti Islam Malaysia (UIM) sejak 2019.

Beliau juga pernah menerima anugerah Tokoh Merdeka pada tahun 2014 dan dinobatkan sebagai Tokoh Melayu Terbilang pada 2012.

Turut berangkat ke istiadat itu ialah Raja Permaisuri Agong, Tun-ku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah.

SENARAI PENERIMA DARJAH KEBESARAN

Darjah Seri Setia Mahkota (SSM) yang membawa gelaran Tun

- Ketua Hakim Negara, **Tan Sri Tengku Maimun Tuan Mat**
- Pro-Canselor Universiti Teknologi MARA (UiTM), **Tan Sri Dr Arshad Ayub**

Darjah Panglima Mangku Negara (PMN) yang membawa gelaran Tan Sri

- Ketua Setiausaha Negara, **Datuk Seri Mohd Zuki Ali**
- Peguam Negara, **Tan Sri Idrus Harun**
- Panglima Angkatan Tentera Malaysia (ATM), **Jeneral Tan Sri Affendi Buang**
- Ketua Polis Negara, **Tan Sri Abdul Hamid Bador**

Darjah Panglima Setia Mahkota (PSM) yang membawa gelaran Tan Sri

- Presiden Mahkamah Rayuan, **Datuk Rohana Yusuf**
- Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, **Datuk Mohd Khairul Adib Abd Rahman**
- Ketua Pengarah Kesihatan, **Datuk Dr Noor Hisham Abdullah**
- Panglima Tentera Darat, **Jeneral Datuk Zamrose Mohd Zain**
- Panglima Tentera Udara, **Jeneral Datuk Seri Ackbal Abdul Samad**
- Bekas Timbalan Ketua Polis Negara, **Datuk Mazlan Mansor**
- Presiden Majlis Olimpik Malaysia, **Datuk Seri Mohamad Norza Zakaria**
- Ketua Pegawai Eksekutif The Lotus Corporation Bhd, **Datuk R Doraisingam**
- Pengerusi Petroliaam Nasional Berhad (Petronas), **Datuk Ahmad Nizam Salleh**
- Presiden Kumpulan Sunway Group Berhad, **Datuk Chew Chee Kin**
- Pengarah Urusan Platinum Victory

Holdings Sdn Bhd, **Datuk Seri Gan Yu Chai**

- Pengasas dan Pengarah Urusan SENA Group of Companies yang juga Pengasas dan Pengarah Optimax Holding Berhad, **Datuk Tan Boon Hock**

Darjah Panglima Jasa Negara (PJN) yang membawa gelaran Datuk

- Ketua Audit Negara, **Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid**
- Hakim Mahkamah Rayuan, **P Ravintran**
- Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak, **Datuk Amar Jaul Samion**
- Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah, **Datuk Safar Untong**
- Ketua Setiausaha Kementerian Luar, **Datuk Seri Muhammad Shahrul Ikram Yaakob**
- Ketua Pengarah Pelajaran, **Dr Habibah Abdul Rahim**
- Ketua Pengarah Keselamatan Negara, **Mohd Rabin Basir**
- Naib Pengerusi CRSC Holdings Berhad, **Datuk Mohamed Salleh Bajuri**
- Pengarah Eksekutif Kumpulan Low Yat Group, **Low Gee Teong**

Darjah Panglima Setia Diraja (PSD) yang membawa gelaran Datuk

- Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Jabatan Perdana Menteri, **Mohammad Ismail**
- Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-undang Jabatan Perdana Menteri, **Roziah Abudin**
- Doktor Peribadi Yang di-Pertuan Agong, **Dr Mahathar Abd Wahab**
- Doktor Peribadi Raja Permaisuri Agong, **Dr Zanariah Hussein**

Istiadat pengurniaan hari pertama itu juga menyaksikan empat individu dikurniakan Darjah Panglima Mangku Negara (PMN) dan 12 individu menerima Darjah Panglima Setia Mahkota (PSM), masing-masing membawa gelaran Tan Sri.

Yang di-Pertuan Agong turut mengurniakan Darjah Panglima Jasa Negara (PJN) yang membawa gelaran Datuk kepada sembilan individu dan Darjah Panglima Setia Diraja (PSD) yang turut membawa gelaran Datuk kepada empat individu. - Bernama